

JAN 2024 / BIL. 10 / 2024

EON

Epitome of Nature

K E S I H A T A N D A N K E S E J A H T E R A A N



MAJALAH PP BIOLOGI
UITMCNS

ISSN 2773-5869



9 772773 586005

APAKAH SDG 3: KESIHATAN YANG BAIK DAN KESEJAHTERAAN?

Siti Nur Fadzilah Muhsain, Nur
'Ainun Mokhtar, Wan Nordini
Hasnor Wan Ismail
Fakulti Farmasi, Universiti
Teknologi MARA, Cawangan
Pulau Pinang, Kampus Bertam,
13200 Pulau Pinang, MALAYSIA

sitinurfadzilah077@uitm.edu.my

EDITOR: MU'ADZ AHMAD
MAZIAN



**Gambarajah 1: Keseluruhan 17 Sasaran Matlamat
Pembangunan Mampan (Sustainable Development
Goals) 2030 (Sumber: <https://sdgs.un.org/2030agenda>)**

Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals)

Agenda Pembangunan (Sustainable Development Goals-SDG) telah dibentangkan pada tahun 2015 semasa Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Ia berfungsi sebagai kerangka tindakan untuk memastikan masa depan yang mampan, inklusif, dan tanpa peninggalan untuk penduduk dunia menjelang tahun 2030. Program ini berpaksikan kepada 5P iaitu manusia, planet, kemakmuran, keamanan, dan perkongsian. SDG merangkumi 17 matlamat melalui 169 sasaran ukuran, yang diterima pakai oleh semua 193 negara anggota PBB, termasuk Malaysia. Kerjasama global ini komited untuk menangani pelbagai isu global seperti pembangunan sosial dan ekonomi,

kemiskinan, pendidikan, pemanasan global, dan perubahan iklim, yang dilaksanakan melalui Matlamat Pembangunan Mampan yang ketiga (SDG3: Kesihatan Baik dan Kesejahteraan).

Pelaksanaan SDG global telah memasuki fasa kedua pelaksanaannya dan Agenda Matlamat Pembangunan Mampan kebangsaan telah digariskan selari dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas. Walaubagaimanapun menerusi pembentangan Sidang Kemuncak Matlamat Pembangunan Mampan yang dijalankan di New York pada September 2023, hanya 15% dari sasaran yang ditetapkan telah dicapai. Ini telah menyebabkan gesaan terhadap satu gerakan

perubahan yang perlu dilakukan segera supaya fokus dan pencapaian negara-negara terlibat akan terus dipacu.

SDG 3 (KESIHATAN BAIK DAN KESEJAHTERAAN)

Secara umumnya, sasaran ketiga SDG ini adalah bagi memastikan kesihatan dan menggalakkan kesejahteraan umum bagi semua rakyat tanpa mengira had umur. Sasaran ini merangkumi isu-isu kesihatan yang utama yang digariskan melalui 13 sasaran dan diukur melalui 28 indikator. Mengikut laporan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, bagi SDG 3, sebanyak 89.3% indikator telah tersedia, 3.6% telah tersedia sebahagiannya dan 7.1% tidak tersedia. Antara fokus utama SDG 3 adalah kesihatan reproduktif, kesihatan dan penjagaan ibu, bayi dan kanak-kanak, penjagaan penyakit berjangkit dan tidak berjangkit, akses kesihatan yang universal serta

akses kepada ubatan dan vaksin yang selamat, efektif, berkualiti dan mampu milik. Sasaran terperinci SDG3 adalah seperti berikut:

3.1: Mengurangkan kematian bersalin kepada 70 per 100,000 kelahiran hidup, menjelang 2030.

3.2: Menamatkan semua kematian yang boleh dicegah bagi kanak-kanak di bawah umur lima tahun.

3.3: Memerangi penyakit berjangkit bagi wabak AIDS, tuberculosis, malaria, penyakit tropika terabai, hepatitis, penyakit bawaan air dan lain-lain.

3.4: Mengurangkan kematian dari penyakit tidak berjangkit dan menggalakkan kesihatan mental.

3.5: Mencegah dan merawat penyalahgunaan bahan terlarang seperti dadah narkotik dan alkohol.

3.6: Mengurangkan kecederaan dan kematian akibat kemalangan jalan raya.

3.7: Akses universal kepada penjagaan reproduktif, serta pendidikan dan perancangan keluarga.

3.8: Mencapai perlindungan kesihatan sejagat termasuk perlindungan kewangan, perkhidmatan kesihatan berkualiti dan akses kepada ubatan dan vaksin yang berkualiti, selamat dan berkesan.

3.9: Mengurangkan penyakit dan kematian yang disebabkan bahan kimia berbahaya dan dari aktiviti pencemaran alam sekitar.

3.a: Memperkukuh kawalan tembakau.

3.b: Menyokong penyelidikan, pembangunan dan akses saksama kepada vaksin dan ubatan yang mampu milik.

3.c: Meningkatkan pembiayaan kesihatan dan menyokong tenaga kerja kesihatan di negara membangun.

3.d: Meningkatkan prestasi sistem amaran awal terhadap risiko kesihatan global.

Cabaran-cabaran isu kesihatan

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan akibat penularan wabak COVID-19 telah memberi kesan terhadap sektor ekonomi, sosial dan persekitaran yang mana menjejaskan pencapaian agenda SDG 2030. Malaysia telah berjaya dalam menyediakan penjagaan kesihatan yang mampu diakses secara saksama, berkualiti serta mampu milik, yang setara dengan negara-negara maju. Ketersediaan sekuriti kesihatan negara adalah baik dan ini telah dibuktikan melalui kejayaan negara menangani pandemik COVID-19.

Walaupun, beban kesihatan negara semakin meningkat. Antara faktor-faktor penyumbang adalah populasi yang menua, peningkatan tuntutan bagi penyediaan sistem yang kesihatan lebih

baik serta peningkatan kes-kes penyakit tidak berjangkit yang menyumbang kepada lebih 70% kadar kematian.

Kesimpulan

Kemajuan pencapaian sasaran agenda SDG dunia dan negara perlu dipertingkatkan segera. Pelan perancangan bagi menyelesaikan isu-isu kesihatan kebangsaan telah dirangka bagi mempercepatkan rancangan ini. Ini kerana Malaysia terus komited dan bergerak untuk mencapai keseluruhan matlamat pada tahun 2030.

“Malaysia telah berjaya dalam menyediakan penjagaan kesihatan yang mampu diakses secara saksama, berkualiti serta mampu milik, yang setara dengan negara-negara maju. Ketersediaan sekuriti kesihatan negara adalah baik dan ini telah dibuktikan melalui kejayaan negara menangani pandemik COVID-19.”